



KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA
جامعة العلوم الإسلامية بماليزيا
ISLAMIC UNIVERSITY COLLEGE MALAYSIA

AKUJANJI &

IKRAR

PELAJAR BARU KUIM SESI 2005 / 2006

FAKULTI Sila Tanda	FQS	FSU	FKP	FEM	FST	FPSK	FPBU	THAMHIDI
	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

SALINAN PELAJAR



MOTO

Berilmu, Berdisiplin Dan Bertakwa

FALSAFAH

Panduan antara Ilmu Naqli dan Akli serta budi pekerti yang mulia adalah teras utama membentuk generasi cemerlang dan masyarakat berilmu.

MISI

Bertekad menjadi Institusi Ilmu yang terkehadapan dalam bidang pengajian Islam yang menggunakan teknologi terkini bagi menyelesaikan isu – isu semasa yang berkaitan dengan masyarakat dan Islam.

WAWASAN

Memartabatkan kecemerlangan ilmu dan insan yang mampu memberi sumbangan kepada masyarakat, negara dan dunia sejagat.

OBJEKTIF.

1. Memartabatkan pendidikan Islam dan membawanya ke dalam arus perdana pendidikan Islam.
2. Membina kesepaduan antara teori dan amali dalam diri setiap mahasiswa yang dikeluarkan.
3. Melahirkan ilmuan Islam yang berpendidikan sepadu, mampu memimpin masyarakat majmuk serta mempunyai potensi yang tinggi untuk menerajui pembangunan negara.
4. Meneroka tenaga kerja yang kukuh dengan penghayatan nilai – nilai Islam, mampu berinteraksi dan berkomunikasi dengan berkesan dalam masyarakat.

**AKU JANJI PELAJAR
KEMASUKAN SESI 2005/2006**

Saya, _____

No. Kad Pengenalan: _____

Dengan sesungguhnya dan sebenarnya berjanji bahawa saya akan berusaha sedaya upaya untuk mencapai kecemerlangan dalam ilmu dan akan sentiasa mempertingkatkan budi pekerti yang mulia. Saya akan mematuhi semua undang-undang, statut, peraturan-peraturan, kaedah-kaedah dan apa-apa arahan yang terpakai kepada pelajar Kolej Universiti Islam Malaysia ("Universiti"), yang dibuat dari semasa ke semasa sepanjang saya menjadi seorang pelajar Universiti. Maka dengan ini saya berjanji bahawa saya antara lain :-

- (A) Akan mematuhi subseksyen 15 (1) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971
[Akta 30], untuk tidak menjadi ahli, atau dengan apa-apa cara bersekutu dengan, mana-mana persatuan, parti politik, kesatuan sekerja atau apa-apa jua pertubuhan' badan atau kumpulan orang lain, sama ada atau tidak ianya ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang, sama ada ianya di dalam Universiti atau di luar Universiti, dan sama ada ianya di dalam Malaysia atau luar Malaysia, kecuali sebagaimana yang diluluskan terlebih dahulu secara bertulis oleh Rektor.
- (B) Akan mematuhi subseksyen 15 (3) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 untuk tidak menyatakan atau berbuat sesuatu yang boleh ditafsirkan sebagai menyatakan sokongan, simpati atau bangkangan terhadap mana-mana parti politik atau kesatuan sekerja sebagai menyatakan sokongan atau simpati dengan mana-mana pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang haram.
- (C) Akan mematuhi peruntukan berkenaan dengan tatatertib am sebagaimana yang dinyatakan dalam kaedah-kaedah Kolej Universiti Islam Malaysia (Tatatertib Pelajar-pelajar) [2000] termasuklah :-

- (i) Tidak akan melanggar peruntukan berhubung dengan larangan am, yang antara lain termasuklah :-
 - (a) Tidak merosakan atau memudaratkan kepentingan, kesejahteraan dan nama baik Universiti, mana-mana pelajar, kakitangan, pegawai atau pekerja Universiti.
 - (b) Tidak merosakan atau memudaratkan ketenteraman atau keselamatan awam, moral, kesopanan atau tatatertib : *dan*
 - (c) Tidak akan mencabuli apa-apa peruntukan mana-mana undang-undang bertulis, sama ada di dalam atau di luar kampus ;
 - (ii) Peruntukan berkenaan dengan kehadiran dalam kuliah / sekatan tentang penggunaan teks kuliah dan plagiarisme;
 - (iii) Peruntukan berkenaan dengan peperiksaan atau kelakuan pelajar semasa peperiksaan dijalankan;
 - (iv) Peruntukan berkenaan perhimpunan, penggunaan pembesar suara dan sepanduk;
 - (vi) Peruntukan berkenaan dengan larangan berjudi, minum minuman keras, berkelakuan tidak senonoh, memiliki bahan lucah, memiliki dan menggunakan dadah dan racun; *dan*
 - (vii) Peruntukan berkenaan dengan kebersihan di dalam kampus dan pakaian pelajar
- (D) Akan mematuhi peruntukan berkenaan dengan tatatertib asrama sebagaimana yang dinyatakan dalam kaedah-kaedah Kolej Universiti Islam Malaysia
(Tatatertib Pelajar-pelajar) [2000].

Saya sesungguhnya faham bahawa sekiranya saya tidak mematuhi mana-mana peruntukan dalam undang-undang, statut, peraturan, kaedah-kaedah atau arahan tersebut, maka tindakan boleh diambil ke atas saya menurut peruntukan undang-undang, statut, peraturan-peraturan, kaedah-kaedah atau arahan berkenaan, termasuklah disingkirkan daripada Universiti.

Tarikh: _____

Tandatangan Pelajar

Nama Pelajar : _____

No. Pendaftaran : _____

Akademik / Fakulti / Pusat : _____

Tandatangan Saksi Pelajar

Nama Saksi : _____

Jawatan Saksi : _____



**IKRAR
PELAJAR BARU
KUIM
SESI 2005/2006**



IKRAR PELAJAR BARU

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Bahawasanya saya sebagai mahasiswa Kolej Universiti Islam Malaysia mengaku akan patuh dan taat pada pelebagaan, undang-undang negara dan tata tertib Universiti.

Bahawasanya saya akan berusaha sedaya upaya menumpukan perhatian sepenuhnya untuk mencari dan memperdalamkan ilmu pengetahuan yang bermanfaat untuk kemajuan diri, agama, bangsa dan negara.

Bahawasanya saya akan sentiasa menghormati kepimpinan, Pensyarah dan Kakitangan universiti serta memelihara dan mempertingkatkan nama baik universiti.

Bahawasanya, saya bersedia untuk menandatangani Surat Aku janji Pelajar dan mematuhi segala apa yang dinyatakan di dalam surat aku janji tersebut.

Ya Allah ! Jadikanlah kami sebagai orang yang mendapat Taufik dan RahmatMu.

Tandatangan :

Nama :

No. Pendaftaran :Fakulti :

Tarikh :

